

Headline **CbioD laksana program pertumbuhan ekonomi baru**
Date **07 May 2010**
MediaTitle **Berita Harian (Utara)**
Section **Berita**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **231,163 / 1,368,000**

Language **Malay**
Page No **L-8**
Article Size **111 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **908**
PRValue **2,725**



CbioD laksana program pertumbuhan ekonomi baru

IPOH: Kerajaan Perak melantik Projek Pemuliharaan Biodiversiti (CbioD) untuk melaksanakan program dan projek menggalakkan pertumbuhan ekonomi baru khususnya dalam aspek pemuliharaan alam sekitar, kandungan kreatif serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) bidang bioteknologi.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berharap usaha itu akan mencipta kelebihan serta pasaran baru seterusnya meletakkan Perak sebagai tumpuan utama pusat pembangunan dan persekitaran hijau di negara ini.

"Setakat ini, kita sudah mengenal pasti beberapa kawasan yang sesuai untuk program pemuliharaan biodiversiti dan pembangunan bioteknologi di negeri ini," katanya di sini.

Zambry bagaimanapun tidak menyebut kawasan yang sudah dikenal pasti itu tetapi dipercayai ia turut meliputi kawasan hutan simpan Temenggor di kawasan Grik.

CbioD adalah projek pertama diwujudkan di dunia sebagai usaha meletakkan

Malaysia sebagai peneraju dalam pengurusan hutan tropika mapan yang dilaksanakan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) manakala bantuan kewangan disediakan Global Environmental Facility (GEF) menerusi Program Pembangunan Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan turut ditaja Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO).

Selain itu, penyumbang utama CbioD termasuk kerajaan Malaysia, Jabatan Perhutanan negeri di Semenanjung khususnya Jabatan Perhutanan Perak, Kompleks Kayu Integrasi Perak (PITC) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak (PKNP).

Zambry berkata, pelantikan CbioD untuk merangka strategi projek teknologi hijau selaras wawasan kerajaan negeri mewujudkan ekonomi baru berimpak tinggi sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada rakyat negeri ini.

Beliau juga berkata, kerajaan negeri bersetuju memberikan konsesi 30 tahun kawasan seluas 9,000 hektar hutan Temenggor kepada PKNP untuk menjalankan pelbagai program biodiversiti, mengadakan indeks pengkodan spesies flora dan fauna yang wujud di hutan berkenaan serta melakukan pendaftaran paten.